



**LEMBAGA PENGGALAKAN PELANCONGAN MALAYSIA
(KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA)**

IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa daripada **warganegara Malaysia** yang berkelayakan dan **berumur 18 tahun dan ke atas pada tarikh iklan ditutup** bagi mengisi kekosongan jawatan berikut:

- 1. JAWATAN : PERSONEL MySTEP**
- KELAYAKAN : Setaraf Diploma**
- TEMPOH KONTRAK : Mulai Tarikh Lapor Diri hingga 31 Disember 2025**
- PENEMPATAN : (a) Ibu Pejabat, Tourism Malaysia
(b) Kaunter Helpdesk KLIA Terminal 1 & 2**
- KADAR UPAH : RM1,900.00 sebulan
(Termasuk caruman kepada KWSP dan PERKESO)**

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) **Diploma** dalam bidang berkaitan yang **diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya** (Diploma Kemahiran Malaysia/Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)/Sijil Matrikulasi KPM);

- (ii) Berpengetahuan dan berkemahiran menggunakan komputer serta perisian asas Microsoft Office (Word, Excel, PowerPoint, Teams dan lain-lain);
- (iii) Mempunyai minat untuk berkomunikasi dengan pelancong-pelancong asing;
- (iv) Boleh bekerja dalam kumpulan dan mampu bekerja di bawah tekanan serta penyeliaan yang minimum.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI TUGAS

- (a) Membantu pegawai-pegawai bagi menyelaraskan persediaan program promosi yang telah dirancang bagi tahun 2025.
- (b) Membantu memantau, mengumpul dan mendapatkan maklumat bagi penghasilan laporan program.

5. ARAHAN DAN CARA MEMOHON

- (a) i. Permohonan hendaklah menggunakan **Borang LPPM-1** (manual) yang boleh dimuat turun melalui link berikut;
<https://www.tourism.gov.my/pdf/uploads/borang.pdf>
- ii. Borang permohonan yang lengkap hendaklah dihantar menggunakan sampul surat berukuran 23cm x 32cm dan disudut sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis nama jawatan yang dimohon.

iii. Borang permohonan hendaklah dikemukakan kepada alamat berikut:

**Tourism Malaysia
Bahagian Sumber Manusia
Aras 9, No. 2, Menara 1
Jalan P5/6, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
(u/p. : Unit Perancangan)**

- (b) Pemohon juga perlu **menyertakan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap dan diakui sah benar** oleh Pegawai Kerajaan dari **Kumpulan Pengurusan dan Profesional** berdasarkan senarai semak yang dikemukakan bersama-sama borang permohonan. Dokumen hendaklah mengikut susunan di dalam senarai semak berkenaan.
- (c) Gambar yang dikemukakan hendaklah menggunakan **gambar berukuran pasport terkini. Selain dari gambar pasport tidak dibenarkan.**
- (d) **Bagi pemegang Diploma daripada Institut Pengajian Tinggi Swasta/Luar Negara, perlu mengemukakan sesalinan pengiktirafan kelayakan dari Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pemohon boleh melayari laman web <http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>**
- (e) Tarikh tutup permohonan ialah pada **14 Januari 2025 (Selasa) sebelum jam 5.30 petang.**

6. CATATAN AM

- (a) Sebarang permohonan yang **tidak lengkap atau lewat** tidak akan dipertimbangkan dan dianggap tidak berjaya.
- (b) Calon yang berjaya **melempi tapisan kelayakan** akan dimaklumkan **secara rasmi** melalui e-mel.
- (c) Sekiranya pemohon tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh **tiga (3) hingga enam (6) bulan** selepas dari tarikh iklan ditutup, permohonan tuan/puan adalah dianggap **tidak berjaya**.
- (d) Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan melalui e-mel kepada pelantikan@tourism.gov.my.

***** SEKIAN, TERIMA KASIH *****

SENARAI SEMAK & SERAH DOKUMEN PERMOHONAN JAWATAN

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen-dokumen berikut (**diakui sah benar oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional**) mengikut susunan:

BIL	PERKARA	ADA / TIADA	CATATAN
1	Salinan Kad Pengenalan <i>(Hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis “KEGUNAAN TOURISM MALAYSIA SAHAJA”)</i>		
2	Salinan Sijil Kelahiran		
3	Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)		
4	Salinan Sijil Ujian Lisan BM Peringkat SPM <i>(sekiranya berkenaan)</i>		
5	Salinan Sijil Tamat Persekolahan Menengah		
6	Salinan STPM / STAM / Sijil Matrikulasi KPM / Diploma dan Transkrip Akhir / Ijazah dan Transkrip Akhir <i>(mana yang berkenaan)</i>		
7	Salinan Pengiktirafan oleh JPA bagi Sijil Khas / Diploma / Ijazah yang diberikan oleh badan pendidikan swasta <i>(sekiranya berkenaan)</i>		
8	Gambar Pasport terkini		
9	Dihadkan lima (5) sijil kegiatan sukan atau ko-kurikulum yang difikirkan terbaik		
10	Salinan Kad / Slip Pendaftaran Sementara Orang Kurang Upaya (OKU) <i>(sekiranya berkenaan)</i>		

ARAHAN:

- a) Kesemua dokumen di atas hendaklah disertakan bersama borang permohonan.